

03/04/1997

Dua ahli sains sosial bentang kertas kerja

KUALA LUMPUR, Rabu - Dua ahli sains sosial Australia dan Amerika Syarikat yang mengkhusus dalam kajian Islam dan ummah adalah antara tokoh yang akan membentangkan kertas kerja di Seminar Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21 selama tiga hari dari 25 April ini.

Seorang daripadanya ialah Profesor Amin Saikal, Pengarah Pusat Kajian Timur Tengah dan Asia Tengah serta Profesor Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Australia (ANU).

Beliau adalah pengkaji bidang politik, sejarah, politik ekonomi dan hubungan antarabangsa Timur Tengah dan Asia Tengah.

Antara pengalaman beliau ialah menjadi Fellow Pelawat di Universiti Princeton, Universiti Cambridge dan Institut Kajian Pembangunan Universiti Sussex dan Yayasan Rockefeller.

Beliau menghasilkan banyak buku ilmiah mengenai kebangkitan dan kejatuhan Shah Iran, dasar luar Iran, pertukaran rejim, konflik dan campurtangan di Afghanistan dan keadaan di Timur Tengah.

Seminar tiga hari itu yang dianjurkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut dijadual menyampai ucapan. Berita Harian dipilih sebagai akhbar rasmi seminar itu.

(END)